

**15 Ogos 2009 (Sabtu)**

## **Sentral: Amaran tamat kontrak jika kontraktor abai kerja**

Oleh Nor Azma Laila norazma@bharian.com.my

### **MPSJ tidak tolak ansur demi kepentingan penduduk**

SUBANG JAYA: Kontraktor yang sengaja melambatkan kerja dan tidak jujur dalam membaiki lampu jalan serta jalan rosak di bawah kawasan seliaan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) berdepan kemungkinan ditamatkan kontrak. Yang Dipertua MPSJ, Datuk Adnan Md Ikhsan, berkata banyak aduan diterima daripada penduduk terutama mengenai masalah lampu jalan rosak yang lambat dibaiki kontraktor sekali gus menimbulkan masalah kepada penduduk.

“Pihak majlis tidak akan bertolak ansur dengan kontraktor yang tidak bertanggungjawab dalam menjalankan kerja mereka sekali gus menipu rakyat dan MPSJ. “Kalau kita dapati ada kontraktor yang bersikap sebegini, majlis tidak akan teragak-agak menamatkan kontrak mereka kerana sudah jelas menunjukkan bahawa mereka seolah-olah tidak berminat lagi untuk bekerja dengan kita,” katanya di sini.

Katanya, setakat ini terdapat 16 kontraktor yang dilantik untuk menyelenggara lampu, 16 lagi bertanggungjawab dalam membaik pulih jalan rosak, 16 menyelenggara parit dan longkang manakala 12 kontraktor ditugaskan untuk menyelenggara elektrik. “Bagi setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), kita lantik empat kontraktor untuk selenggara masalah berkaitan di kawasan dipertanggungjawabkan dan sepatutnya mereka boleh menjalankan kerja dengan lebih baik kerana kawasan seliaan adalah kecil.

“Bagaimanapun, setakat ini belum ada lagi mana-mana kontraktor yang dilantik, ditamatkan perkhidmatannya namun surat amaran sudah berkali-kali dikeluarkan kepada kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan baik,” katanya.

Adnan berkata, MPSJ akan mengadakan mesyuarat dengan semua kontraktor yang dilantik bagi membincangkan mengenai aduan oleh penduduk bahawa kerja membaik pulih kemudahan yang rosak lambat dilakukan oleh kontraktor. “Kita juga ada maklumkan kepada Alam Flora mengenai kontraktor yang dilantik oleh mereka supaya menjalankan kerja sebaik mungkin bagi mengelakkan timbul masalah sampah tidak dikutip sekali gus menyebabkan bau busuk. “Kakitangan MPSJ dan Pengarah setiap jabatan yang berkaitan juga sudah diarahkan untuk turun padang meninjau kerja yang dilakukan kontraktor bagi memastikan mereka benar-benar membaiki kemudahan rosak, bukannya hanya membuat pemberitahuan melalui surat bahawa kerja sudah dilakukan, padahal kerosakan masih belum dibaiki,” katanya.

**16 Ogos 2009 (Ahad)**

## **Kedudukan Bernas ke Kabinet**

Oleh Norfatimah Ahmad [tim@bharian.com.my](mailto:tim@bharian.com.my)

### **Kajian keupayaan teruskan fungsi siap enam bulan lagi**

KUALA LUMPUR: Kedudukan Padiberas Nasional Berhad (Berna) sebagai syarikat strategik pembekalan beras negara akan ditentukan selewat-lewatnya Oktober ini apabila laporan lengkap kajian yang dijalankan terhadap prestasi syarikat itu dibentangkan kepada Kabinet. Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noriyah Ahmad, berkata ketika ini, kajian berkenaan pada peringkat akhir dan dijangka diserahkan kepada pihaknya dalam tempoh sebulan.

Beliau berkata, EPU perlu meneliti laporan kajian itu dan membentangkannya kepada Kabinet untuk mendapat maklum balas sebelum hujung tahun ini kerana perjanjian konsesi Bernas akan berakhir Januari 2010. "Kajian itu untuk mengetahui tahap keupayaan Bernas sama ada syarikat itu mampu meneruskan fungsi dan tanggungjawab sebagai pembekal dan pengekspor tunggal beras negara. "Bagaimanapun, keputusan muktamad mengenainya iaitu untuk merombak, meneruskan atau menamatkan perjanjian konsesinya akan ditentukan Kabinet," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Bernas memeterai perjanjian konsesi sebagai pengimport tunggal beras negara pada 1996 dan memperoleh hak eksklusif itu untuk tempoh 15 tahun sehingga 11 Januari 2010. Sebelum ini, Bernas dilaporkan terbabit dalam beberapa insiden yang menyebabkan banyak pihak mempertikaikan statusnya sebagai syarikat yang memonopoli urus niaga mengimport dan membekal beras, antaranya membawa masuk beras tanpa permit import (AP) sekali gus melanggar Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan menaikkan harga beras di pasaran tanpa merujuk kepada kerajaan.

Pendedahan berkaitan urus niaga saham Bernas mengenai penguasaan 31 peratus sahamnya yang kini dikuasai firma pelaburan berpangkalan di Hong Kong, Wang Tak Co Ltd juga menimbulkan pelbagai reaksi yang mahu kerajaan campur tangan untuk mengelak Bernas dikuasai firma asing. Wang Tak kini muncul pemegang saham tunggal terbesar Bernas apabila menguasai 147.51 juta saham atau 31.36 peratus daripada keseluruhan 40.402 juta saham syarikat itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang terdahulu, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kajian prestasi Bernas itu dilakukan berikutan imej syarikat berkenaan yang terjejas ekoran masalah bekalan dan harga beras yang dialami negara. Mustapa berkata, antara cadangan yang dipertimbangkan termasuk mewujudkan pertubuhan lain bagi menggantikan Bernas atau menghidupkan semula fungsi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Noriyah berkata, mesyuarat dengan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) sudah dijalankan bagi membincangkan kajian berkenaan.

**17 Ogos 2009 (Isnin)**

### **PKFZ, KDSB minta surat pelantikan sah Pengerusi LPK**

KUALA LUMPUR: Pemaju utama Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) semalam meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat menunjukkan surat pelantikan daripada Yang di-Pertuan Agong ataupun pejabat Yang di-Pertuan Agong mengenai kedudukan Datuk Lee Hwa Beng sebagai Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) sah sebelum jam 4.30 petang hari ini. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KDSB, Datuk Faizal Abdullah, berkata pihaknya mahu Ong supaya segera menyiar surat pelantikan Lee yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong ataupun pejabat Yang di-Pertuan Agong sama ada di media ataupun portal rasmi kementerian itu segera.

Beliau berkata, ini kerana, KDSB difahamkan menerusi blog Menteri Pengangkutan bahawa beliau secara peribadi mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh Lee sebagai Pengerusi LPK selepas ia tamat pada 31 Mac lalu. "Adakah Menteri Pengangkutan berkuasa untuk berbuat demikian... jika tidak, adakah ia tidak melanggar kedudukannya sebagai seseorang yang menjawat jawatan sebagai menteri jika begitu, adakah Datuk Lee Hwa Beng membantu Menteri Pengangkutan menyalahgunakan kuasa. "Datuk Lee Hwa Beng sudah melakukan banyak perkara secara umum menerusi jawatannya di dalam LPK selepas 31 Mac 2009, jadi adalah tidak adil untuk mencemarkan imej KDSB sebagai badan persendirian tetapi juga imej kerajaan secara tidak langsung," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Selain itu, Faizal berkata, menerusi peguam, pihaknya difahamkan kuasa untuk melantik Pengerusi LPK terletak di tangan Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 2(4), bukannya berada di bawah kuasa Menteri Pengangkutan. Katanya, Menteri Pengangkutan hanya berkuasa untuk melantik pengurus besar dan antara lima dan sembilan ahli pihak berkuasa LPK. "Oleh itu, mereka perlu buktikan bahawa kedudukan Lee Hwa Beng sebagai Pengerusi adalah sah kerana beliau banyak membuat kenyataan awam sejak 31 Mac lalu, iaitu tempoh bagi perkhidmatannya sepatutnya tamat," katanya.

**18 Ogos 2009 (Selasa)**

### **Dakwaan Tee Keat terima RM10j mula disiasat**

KUALA LUMPUR: Polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah memulakan siasatan berhubung dakwaan Ketua Eksekutif Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB), Datuk Seri Tiong King Sing bahawa Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat menerima 'pinjaman' RM10 juta daripadanya bagi aktiviti berkaitan MCA. Ketua Pesuruhjaya SPM, Datuk Seri Ahmad Said Hamdan, berkata siasatan terhadap kes itu dilakukan bersama dengan dakwaan penyelewengan yang didedah-kan pasukan Petugas Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) terhadap KDSB. "Siasatan sudah bermula dan ia masih berjalan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ong dan Tiong sebelum ini terbabit dalam perbalahan secara terbuka mengenai isu PKFZ dengan Tiong mendakwa Ong yang juga Presiden MCA, menerima RM10 juta daripadanya selaku pemaju PKFZ. Ong membala dakwaan itu dengan membuat laporan polis terhadap Tiong dan menafikan tuduhan berkenaan. Presiden MCA itu mendakwa tuduhan Tiong ada motif tertentu, termasuk mengalih perhatian daripada dakwaan penyelewengan yang didedahkan pasukan petugas PKFZ terhadap KDSB.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah, juga mengesahkan pihaknya sudah memulakan siasatan kes dakwaan Ong terima RM10 juta daripada Tiong berikutan laporan polis dibuat Presiden MCA itu baru-baru ini. Katanya, polis juga sedang menyiasat surat ugutan diterima Menteri Pengangkutan awal bulan lalu. "Kita masih menyiasat lanjut kedua-dua kes itu dan sehingga kini belum memanggil mana-mana individu untuk diambil keterangan," katanya enggan mengulas lanjut. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan perhimpunan bulanan peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPKKL) di sini, semalam.

## **18 Ogos 2009 (Selasa)**

### **'Menteri benar KP Imigresen lulus VDR'**

Oleh Siti Nurazlinee Azmi sitinurazlinee@bharian.com.my



### **Saksi akui cam tulisan tangan Syed Hamid Albar ketika beri keterangan kes rasuah Wahid**

KUALA LUMPUR: Seorang saksi memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, semalam, bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Syed Hamid Albar memberi kebenaran kepada bekas Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Wahid Mohd Don untuk meluluskan visa dengan rujukan (VDR) kepada pekerja warga Bangladesh menerusi sistem berkomputer, pada tahun lalu. Timbalan Pengarah Bahagian Visa, Pas dan Permit Jabatan Imigresen, Muhammad Hanif Asa'ri, 32, berkata beliau mengecam tulisan tangan dan tanda tangan Syed Hamid pada dokumen minit bebas yang dikemukakan Wahid dalam mesyuarat pasca Kabinet pada 11 Jun 2008.

Muhammad Hanif ketika kejadian bertugas sebagai Pegawai Khas Menteri Dalam Negeri berkata, dalam minit bebas itu tertera Syed Hamid sebagai pengurus mesyuarat setuju dan benarkan Wahid memberi kelulusan terhadap permohonan VDR kepada pekerja warga Bangladesh yang akan diproses sehingga pada peringkat Ketua Pengarah (Wahid) saja. "Dalam catatan itu juga tertulis Jabatan Imigresen Malaysia akan mengemukakan laporan

mingguan dan bulanan kepada menteri (Syed Hamid) berhubung permohonan VDR," katanya.

Beliau berkata demikian dalam perbicaraan kes Wahid yang dituduh menerima rasuah RM60,000 daripada seorang ahli perniagaan, Datuk Low Chang Hian sebagai upah bagi mempercepatkan kelulusan permohonan VDR 4,337 warga Bangladesh bagi membolehkan mereka memasuki negara ini. Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Jazaludin Mohd Nawawi, Muhammad Hanif memberitahu mahkamah antara alasan yang dikemukakan dalam minit bebas itu termasuk, jumlah pekerja warga Bangladesh yang menunggu kelulusan VDR semakin ramai iaitu kategori menunggu 22,854 orang, manakala 91,607 lagi masih belum kemukakan permohonan.

Katanya, pada peringkat awal Syed Hamid sendiri meluluskan VDR itu menerusi sistem berkomputer sehingga Jun 2008 apabila menteri berkenaan membuat keputusan tidak lagi meluluskan permohonan itu malah perkara itu sudah dibentangkan dalam mesyuarat pasca Kabinet. Perbicaraan di depan Hakim Rosbahanin Ariffin bersambung Rabu ini.

## **18 Ogos 2009 (Selasa)**

### **Pekeliling tegah beri keterangan tak sah**

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Pekeliling Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2009 mlarang pegawainya memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas waktu pejabat atau di luar pejabat mereka adalah tidak sah dan terbatal, kata Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail. "Kita akan memfailkan permohonan di mahkamah untuk mengisyiharkan arahan itu sebagai tidak sah dan terbatal. Dari segi undang-undang, perkara ini salah. "Saya akan memfailkan permohonan itu dalam minggu ini," katanya pada sidang media bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Datuk Seri Nazri Aziz selepas perasmian mesyuarat tahunan ke-48 Pertubuhan Perundingan Perundungan Asia-Afrika (AALCO) di sini, semalam.

Abdul Gani berkata, permohonan perlu dibuat selepas mendapati pekeliling itu bercanggah dengan undang-undang kerana SPM menjalankan tugasnya mengikut Akta SPM 2009. "Jika pekeliling itu bercanggah dengan undang-undang ia bukanlah satu peraturan, kerana SPM menjalankan tugas mengikut peruntukan undang-undang, jadi pekeliling itu adalah arahan pentadbiran semata-mata," katanya.

Mohamed Nazri pula berkata tindakan kerajaan Selangor boleh ditafsir sebagai cubaan menghalang pegawai SPM menjalankan tugas. "Tiada pekeliling oleh mana-mana kerajaan negeri boleh menghalang SPM menjalankan siasatan mereka. Saya rasa ini satu cubaan Khalid (Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) untuk menghalang pegawai SPM melaksanakan tugas mereka," katanya.

Mereka berkata demikian ketika mengulas keengganan pembantu kepada seorang Exco kerajaan negeri Selangor, Wong Chuan How mengikut pegawai SPRM ke ibu pejabatnya di Putrajaya kerana mendakwa beliau terikat dengan pekeliling kerajaan negeri itu. Wong ditahan di pusat khidmat wakil rakyat Adun Sungai Pelek di Sepang, Jumaat lalu, bagi membantu siasatan berhubung salah guna peruntukan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor membabitkan projek bernilai hampir RM500,000.

Dalam pada itu, Nazri meminta SPRM menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan mengetepikan ugutan daripada mana-mana pihak termasuk pembangkang. "Saya tidak boleh bayangkan reaksi pembangkang jika Perdana Menteri mengeluarkan pekeliling seperti itu.

"Pada satu masa mereka mempertikaikan SPRM dan menuduh ia dikuasai kerajaan Pusat tetapi apabila SPRM menyiasat mereka... mereka cuba menakut-nakutkan pegawai itu. "Berapa ramai Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) sudah disiasat tetapi kita tidak campur tangan kerana kita menghormati SPRM," katanya.

Mohamed Nazri juga menolak dakwaan bahawa SPRM mensasarkan pemimpin bukan Melayu. "Anda tahu tak berapa ramai ahli Umno yang disiasat? Kenapa jadikan ini sebagai isu perkauman? Kenapa bila ahli Umno disiasat tiada siapa yang cakap apa-apa? "SPRM adalah badan bebas dan akan mengambil tindakan tanpa mengira bangsa, takut atau pilih kasih," katanya.

## **18 Ogos 2009 (Selasa)**

### **Lantikan KPSL diabai walau bertungkus lumus lulus ujian**

SAYA tidak berpuas hati dengan penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 kepada jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17. Saya adalah salah seorang yang menerima tawaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk lantikan secara KPSL ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi Gred N17) pada Mac 2009 dan diberikan gaji paling hampir dengan gred yang terdahulu. Pada Julai 2009, JPA mengeluarkan pekeliling perkhidmatan mengenai penjumudan Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 yang mana akan diberikan kenaikan gaji yang melebihi daripada lantikan KPSL seperti saya berdasarkan tarikh kenaikan gaji (Oktober) yang didahulukan pembayarannya dan diberikan pula kenaikan gaji yang paling hampir dengan tangga gaji yang baru.

Saya rasa seperti lantikan KPSL ini diabaikan. Sepatutnya lantikan KPSL ini diberikan perhatian kerana kami bertungkus lumus untuk lulus ujian KPSL. Lantikan KPSL juga memerlukan pengesahan jawatan dan kami perlu menghadiri kursus induksi dan lulus Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 untuk pengesahan jawatan. Ini tidak adil berbanding jawatan yang dijumudkan

dengan sewenang-wenangnya tanpa perlu pengesahan jawatan gred N17. Saya berharap JPA mengambil perhatian perkara ini.

YANG DIPINGGIRKAN, Kuala Lumpur.

## **18 Ogos 2009 (Selasa)**

### **Penjawat awam berijazah tak naik pangkat**

JABATAN Perkhidmatan Awan (JPA) berjanji membantu penjawat awam peringkat bawahan yang ingin mendapatkan kenaikan pangkat dengan meneruskan pembelajaran mereka. Di samping meningkatkan taraf diri, secara tidak langsung menaikkan taraf perkhidmatan awam berdasarkan slogan ‘pembelajaran sepanjang hayat’. Maka ramailah kakitangan sokongan perkhidmatan awam yang menyahut seruan ini selepas kami berjaya mendapat ijazah di atas perbelanjaan sendiri walaupun terpaksa berhutang. Maklumlah satu pengajian peringkat ijazah memerlukan kos perbelanjaan tidak kurang RM20,000, manakala pendapatan kami hanyalah RM1,500 sebulan yang dikategorikan sebagai pendapatan rakyat termiskin.

Kami pula mempunyai beberapa anak pada masa itu. Ibu bapa pula memerlukan bantuan perubatan kerana sakit tua serta pelbagai penyakit lain. Bagi pegawai dan pembuat dasar pentadbiran, mereka tidak melalui keperitan ini kerana mempunyai pendapatan RM3,000 ke atas serta pelbagai kemudahan lain. Mereka melupakan janji membantu kami dengan mengarahkan kami yang memiliki ijazah supaya bersaing dengan pemohon baru untuk mendapatkan kenaikan pangkat. Kami tidak mampu menyaangi mereka yang memperoleh keputusan lebih baik, muda dan lebih berketrampilan daripada kami yang sudah tua dan kurang berkeupayaan.

Oleh itu, kami memohon supaya diberi sedikit kelonggaran untuk kenaikan pangkat dengan sokongan ketua jabatan melalui Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam saja. Kami kecewa kerana ijazah dan usaha kami adalah satu penderaan. Malu juga kami yang mempunyai ijazah tetapi masih menjadi kerani tua sampai pencen.

BAKAL PESARA, Ampang.

## **19 Ogos 2009 (Rabu)**

### **Kaji umur persaraan lelaki, wanita diseragam**

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan mengkaji Akta Pekerja untuk menjamin kesamarataan had umur persaraan antara lelaki dan wanita dalam sektor awam serta swasta. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ketika ini sektor awam menetapkan 58 tahun sebagai had umur persaraan kakitangan lelaki dan wanita dan

mungkin meningkat kepada 60 tahun pada masa depan, berbanding 50 tahun untuk wanita dalam sesetengah sektor swasta. "Tidak pasti kenapa ia tidak dikuatkuasakan sektor swasta kerana pada usia 50 tahun, wanita masih produktif dan mempunyai banyak pengalaman untuk menjalankan tugas," katanya pada sesi dialog dengan peserta Sidang Kemuncak Wanita 2009 di Pusat Konvensyen Sime Darby, di sini semalam.

Muhyiddin ditanya mengenai sesetengah syarikat swasta yang menetapkan had umur bersara bagi kakitangan wanita adalah 50 tahun, manakala 55 tahun bagi lelaki. Beliau berkata, sepatutnya sektor swasta menguatkuasa had umur persaraan seperti yang diputuskan kerajaan, bukannya membuat ketetapan sendiri kerana ia boleh menyebabkan pembaziran tenaga kerja. Mengenai kuota 30 peratus untuk melantik wanita berjawatan penting dalam sesebuah organisasi, beliau berkata, tidak ada peruntukan menyekat pelantikan wanita untuk jawatan pembuat dasar di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau ahli Lembaga Pengarah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia. "Kabinet boleh bincangkan dengan lebih lanjut mengenai langkah menguatkuasakan kuota 30 peratus seperti yang diamalkan sektor awam di GLC dan sektor swasta," katanya.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata pihaknya akan bertindak terhadap syarikat yang mengarahkan kakitangan wanitanya bersara awal. "Kenapa perlu ada diskriminasi, sedangkan bilangan wanita yang diberi jawatan sebagai pembuat dasar juga masih tidak mencapai angka yang memuaskan," katanya.

## 21 Ogos 2009 (Jumaat)

### LPK tak endah teguran kurang dana maju PKFZ

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar [bhnews@bharian.com.my](mailto:bhnews@bharian.com.my)



**“Kita melihat secara keseluruhan, berapa anggaran kos. Kos sudah meningkat kerana keputusan membangunkan tanah sekali gus, tidak mengikut fasa”**

**Ambrin Buang**  
Ketua Audit Negara

### Jabatan Audit turut nasihat elak keluar bon biayai projek

IPOH: Jabatan Audit Negara membuat teguran sejak 2004 bahawa Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh untuk membangunkan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) seluas 1,000 hektar secara sekali gus tetapi tidak

diendahkan pengurusannya. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata Jabatan Audit Negara juga berpendapat cadangan pemaju untuk mengeluarkan bon bagi membiayai kos PKFZ juga tidak bijaksana kerana kos pinjaman kerajaan lebih rendah. "Secara keseluruhan, berapa anggaran kos? Kos meningkat kerana keputusan membangunkan tanah sekali gus, tidak mengikut fasa. Dari segi pembiayaan, syarikat mengeluarkan bon. Akhirnya, kos itu ditanggung kerajaan juga. "Kos mengeluarkan bon lebih tinggi berbanding pinjaman kerajaan," katanya selepas majlis penyerahan kunci bangunan baru Jabatan Audit Perak di sini, semalam.

Ambrin berkata, pengurusan LPK juga enggan berunding dengan Kementerian Kewangan atau Unit Perancangan Ekonomi (EPU) selepas menerima teguran Jabatan Audit Negara. Katanya, LPK sebagai badan berkanun perlu mengetahui had kuasanya dan perlu mengikut semua prosedur kerajaan jika mereka membelanjakan wang awam dalam jumlah besar. "Untuk membuat PKFZ memerlukan perbelanjaan besar. Adakah LPK mampu? Kalau tidak mampu, apa langkah yang patut diambil? "Hal ini patut dibincangkan dengan agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan EPU. "Seperti yang dilaporkan dalam laporan audit PricewaterhouseCoopers, mengesahkan sejak 2004-an 2005, Jabatan Audit Negara sudah menarik perhatian bahawa LPK memang tidak mempunyai kemampuan untuk menjalankan projek ini," katanya.